

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD
[PASIR GUDANG – BN]**

SOALAN (NO. 115)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk menganjurkan program atau aktiviti bagi menarik minat golongan belia agar mereka ini tidak terjebak dalam budaya tidak sihat.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah merangka dan melaksanakan program-program yang sesuai dalam usaha menarik minat golongan belia agar tidak terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat melalui program kesukarelaan dan pembangunan potensi seperti MyCorps, Anugerah Remaja Perdana (ARP) dan Projek Angkat dan Upaya (PADU).
2. Pada masa yang sama program - program yang menghasilkan impak positif kepada pembangunan belia seperti program kepimpinan belia, program keusahawanan, program pembangunan sosial, hubungan belia antarabangsa dan program pembangunan sahsiah terus dilaksanakan dengan lebih meluas dan melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan peringkat.
3. Kementerian juga telah merangka pelbagai aktiviti sukan melalui penglibatan pihak NGO setempat bagi melibatkan lebih ramai belia mengikuti aktiviti Sukan Untuk Semua. Sebagai contoh aktiviti FitMalaysia@hotspot dan Liga Sukan untuk Semua (LiSUS) yang dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri melibatkan penyertaan sehingga ke peringkat akar umbi.
4. Secara umumnya program yang dilaksanakan ini berupaya mencegah dan menangani masalah jenayah serta memenuhi keperluan jati diri dan rohani di kalangan belia.

Sekian, terima kasih.

SULIT